

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 3.12.2019 (SELASA)

SOALAN

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) senarai lapan syarikat yang telah diberi permit mengimport gula dari luar negara; dan
- (b) kesan positif kepada pengguna semenjak kelulusan lapan permit kepada pengeluar makanan dan minuman di Sarawak untuk mengimport gula dari luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, terdapat lapan (8) syarikat pengeluar makanan dan minuman di Sarawak yang telah diluluskan AP import gula bertapis pada tahun 2019.

Sehingga kini, terdapat dua (2) syarikat yang telah membawa masuk gula bertapis melalui AP import gula yang telah diluluskan iaitu Sunshine Food Manufacturer Co Sdn Bhd dan Foodtake Industries Sdn. Bhd.

Antara kesan positif daripada pemberian AP import gula bertapis kepada pengeluar makanan dan minuman adalah:

- 1) harga produk makanan atau minuman yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat penerima AP boleh dikurangkan untuk dijual di pasaran tempatan atau dieksport;
- 2) tawaran harga produk yang lebih murah kepada rakyat tempatan dan membantu mengurangkan kos sara hidup; dan
- 3) memberi kelebihan kepada produk keluaran tempatan untuk lebih kompetitif untuk bersaing di pasaran eksport.

Sekian, terima kasih.